

# KOMUNIS MENGHAPUSKAN KEBEBASAN DIRI

Doktor Taha Hussien, Menteri Pelajaran Mesir yang terkenal dan masyhur, yang sebahagian daripada makalah-makalahnya

telah tersiar di dalam majalah itu telah menyatakan kepada Lord Ken Rose, seorang pengarang buku dan wartawan

British yang terkenal, berkenaan dengan dasar-dasar komunis itu adalah sangat-sangat berlawanan dengan Islam.

Katanya “orang yang menerima ajaran komunis

di negeri-negeri Timur Tengah.

adalah menolak agama Islam” menurut kata doktor Taha

Hussin, ahli terpelajar Mesir yang termasyhur. Kepercayaan

komunis itu ialah menolak segala agama dan dunia

Islam tidak boleh berdamping dengannya.

“Komunisme” kata Doktor Taha kepada Lord

Kent Rose adalah diasaskan bukan di atas saham perbendaan

yang kuat, akan tetapi di asaskan atas keadilan masyarakat.

Akan tetapi perkara ini boleh didapati hanya dengan

kebebasan. Islam ada lebih-lebih tinggi darjatnya dalam

keadaannya telah berjaya menyatukan keadilan dengan

kebebasan.

Doktor Taha Hussin membandingkan kaedah Soviet itu

kepada roda sebuah jentera yang besar, yang membinaaskan

seseorang, menurunkan darjatnya, meluputkan daripadanya

kebolehannya pengetahuan dan wujudnya sebagai seorang manusia

yang berfikiran, berperasaan dan berkepercayaan.

“Perkara itu adalah terlalu mahal harganya bagi

keadilan” katanya bagi pihak saya, tidak ada guna

bagi sebarang kaedah yang “atas nama keadilan, menafikan

kebebasan seseorang. Sekiranya itulah keadilan, nescaya

membawalah ia kepada kecelakaan. Seseorang yang tidak

berkebebasan lagi, bukanlah ia seorang manusia lagi.

Dengan tidak ada kebebasan seseorang, tiada akan ada

tanggungjawap seseorang dan oleh demikian tidaklah ada

demokrasi.”

Doktor Hussin telah memberi amaran bahawa komunisme

hari ini sedang berusaha bersungguh-sungguh di seluruh dunia

dan telah mencadangkan kaedah-kaedah yang dengannya mestilah di lawan

“Pertama” katanya, kita mestilah memberi pelajaran

kepada orang ramai bagi menjadikan mereka sedar akan

diri mereka itu sebagai manusia dan sedar akan harga

kebebasan mereka. “Kedua” kita mestilah mengadakan

langkahnya segera membaiki masyarakat, bagi mengangkat mereka

dari taraf kemiskinan dan menghapuskan sebab-sebab ketiadaan

puas hati mereka. Bagi melakukan demikian kita

hendaklah mengekalkan perhubungan yang rapat dengan Britain

dan lain-lain negeri Barat yang berkemajuan di dalam masa

yang lalu telah bangun melawan mempertahankan hak seseorangnya

dan dari semenjak itu telah melakukan langkah-langkah yang

terpuji ke arah menghapuskan kemiskinan dan sungutan-sungutan

atas benda membeza.

“Kita tidak boleh mendapat sebarang faedah dengan

berhubung dengan Soviet Rusia yang bangkitannya telah membawa kepada

sifat diktator dan yang orang-orangnya telah tinggal jahil

akan sesuatu dan bertindih hal ini hanya boleh

berlaku di Mesir, sekiranya kita lalai daripada mengalatkan diri

kita dengan dua senjata ini – pelajaran dan membaiki

masyarakat – di dalam roh agama Islam.”

Doktor Hussin menamatkan dengan merangkakan dasar

pelajaran Yang sebagai Menteri Pelajaran, ia sedang

menjalankannya di Mesir. Pada tiap-tiap kampung di adakan sekolah

rendah, pada tiap-tiap bandar diadakan sekolah menengah dan pada

tiap-tiap jajahan di adakan sekolah teknikal.

“Itulah , katanya” pemberian saya sendiri


yang berlalu bagi melawan komunisme.”

Majalah Amerika menghinakan Islam

Hakikat sebenar apa yang ada di dalam kedudukan orang-orang Amerikan. Kita sekarang dapat mengukur dan mengetahui dengan jasa bahawa mereka pada satu masa menggunakan pujuhan untuk menarik kita bersama-sama. Kita memandang bahawa tidak salahnya masjid yang di dirikan di New York itu sama keadaannya dengan masjid yang di dirikan di Tokyo sebelum perang – dengan tujuan memikat dan menarik hati orang Islam. Banyak orang Islam telah terkeliru dan berasa bangga kerana adanya simbol-simbol Islam itu di dirikan di bandar-bandar yang terkemuka sehingga mereka lupa kepada amaran Tuhan yang mengingatkan bahawa walau bagaimana pun mereka itu berkata baik tetapi adalah mereka tidak sudah-sudahnya dan tidak akan berhenti daripada memalingkan kita dan menghina kita serta mensia-siakan kedudukan kita.

Ini ialah suatu peringatan kepada kita dan suatu peringatan juga kepada mereka bahawa kita sebenarnya telah mengetahui siapa dia dan apa sebab mereka dari satu ke suatu masa cuba mengambil hati kita dengan berbagai-bagai cara dan kaedah. Walaubagaimanapun perbuatan ini adalah satu perbuatan yang sangat menghina. Kita mesti wajib ingat dan wajib mengetahui di mana kedudukan kita sekarang dan apa yang mesti kita buat. Kita mesti wajib berhati-hati dalam segala-galanya dan wajib ingat dan cemburu kepada orang-orang yang cuba hendak menjadi kawan kepada kita.

Penyudahnya perhatilah firman Allah yang maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman janganlah kamujadikan sahabat



*Ini sebuah masjid yang menjadi syiar kebesaran Islam di tepi laut*

*merah yang indah di negeri Turki.*

rapat selain daripada golongan kamu (kerana) mereka itu tidak putus-putusnya (berikhtiar) maenarik kecelakaan atas kamu; mereka suka apa yang menyusahkan kamu ; tetapi apa yang disembunyikan oleh hati mereka ada lebih besar. Sesungguhnya kami telah terangkan tanda-tanda jika kamu mengerti.” (Ali-Imran 117)

Firman Allah maksudnya:

“Mereka bersumpah kepada kamu supaya kamu suka kepada mereka, walaupun kamu suka kepada mereka tetapi Allah tidak suka kepada kaum yang fasik” (Al-Baraah 96)